

15 JAN 2000

Umno-Pemilihan

DEMAM PEMILIHAN UMNO MULA TERASA

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Demam pemilihan sekali lagi dirasakan, enam minggu selepas pilihan raya umum diadakan, dengan mesyuarat cawangan dan bahagian Umno berlangsung mulai esok.

Mesyuarat bagi kira-kira 6,000 cawangan dan 165 bahagian akan berlangsung selama dua bulan sebelum perhimpunan agung dan pemilihan parti pada Mei ini.

Cawangan-cawangan diberi tempoh sehingga 29 Feb untuk mengadakan mesyuarat manakala mesyuarat bahagian adalah antara 1 Mac dan 30 April.

Pemilihan bagi kerusi Majlis Tertinggi (MT), badan pembuat keputusan, ditetapkan pada 11 Mei -- hari pertama perhimpunan agung yang akan berlangsung selama tiga hari.

Pemilihan itu, yang pada asalnya dijadualkan tahun lepas, ditangguh ke tahun ini bagi membolehkan Umno menumpukan perhatian kepada pilihan raya umum pada 29 Nov lalu.

Meskipun tidak ada pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian kali ini, mesyuarat itu penting kerana ia akan memutuskan pencalonan bagi pemilihan MT dan 2,000 perwakilan yang akan mengundi pada pemilihan parti itu nanti.

Para perwakilan akan mewakili kira-kira 2.7 juta anggota parti untuk memilih kepimpinan Umno bagi tempoh tiga tahun.

Mereka perlu mendapatkan sekurang-kurangnya 30 peratus pencalonan daripada bahagian-bahagian Umno untuk melayakkan mereka bertanding jawatan presiden, 25 peratus bagi jawatan timbalan presiden, 20 peratus jawatan naib presiden dan 10 peratus bagi jawatan anggota MT.

Bagaimanapun, dengan jawatan presiden dan timbalan presiden dijangka tidak ditandingi, tumpuan pemilihan parti beralih kepada perebutan bagi tiga kerusi naib presiden.

Senario ini berlaku apabila MT memutuskan untuk meminta bahagian-bahagian mencalonkan semula Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden dalam Umno, tulang belakang parti pemerintah Barisan Nasional.

Sepanjang beberapa minggu lepas, beberapa menteri kabinet telah memberi isyarat bahawa mereka bersedia untuk bertanding jawatan naib presiden, jawatan ketiga paling kanan dalam parti, termasuk penyandang Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga Menteri Pertahanan.

Yang lain ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

Pemimpin lain yang berhasrat untuk bertanding jawatan nombor tiga itu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekwil Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang juga bekas naib presiden, dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Masih belum jelas sama ada bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib akan mempertahankan jawatan Naib Presidennya.

Muhammad bercuti daripada menjalankan tugasnya sebagai naib presiden sejak 1997 bagi membolehkannya menyelesaikan beberapa masalah undang-undang yang dihadapinya.

Pemilihan bagi ketua Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita pada 10 Mei, sehari sebelum perhimpunan agung parti, juga pasti menarik.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang kini

memangku jawatan Ketua Pemuda Umno dijangka bertanding bagi jawatan itu yang dikosongkan oleh Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang meletakkan jawatan.

Setakat ini tidak ada tanda-tanda bahawa Hishammuddin akan dicabar.

Pertandingan bagi jawatan Ketua Pergerakan Wanita bagaimanapun dijangka menyaksikan naib ketua pergerakan itu Datuk Napsiah Omar mencabar penyandang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Ia mungkin juga menjadi pertarungan tiga penjurong kerana bekas ketua wanita Datuk Seri Rafidah Aziz, yang ditewaskan oleh Siti Zaharah pada 1996, berkata semalam bahawa beliau masih menimbang sama ada akan turut serta dalam pertandingan itu.

Selain pemilihan parti, tarikan utama lain pada perhimpunan agung parti itu ialah perbincangan mengenai pencapaian parti dalam pilihan raya umum 29 Nov lepas yang menyaksikan Parti Islam Se-Malaysia (Pas) menembusi negeri-negeri yang majoritinya penduduk Melayu, yang pada suatu masa dahulu merupakan kubu kuat Umno.

Pas mengekalkan pemerintahan di Kelantan dan menawan Terengganu daripada Barisan Nasional selain menambah kerusi parlimen dan dewan negeri, kebanyakannya dengan mengalahkan calon Umno.

-- BERNAMA

AFY LAT AKD